

Headline	Latih siswa berniaga		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	31	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	Mohd Fadly Samsudin	AdValue	MYR 14,071
Frequency	Daily	PR Value	MYR 42,214



Latih siswa berniaga

■ 350 pelajar UniKL berpeluang bergiat aktif dalam bidang keusahawanan menerusi SEA

Oleh Mohd Fadly Samsudin

fadly@hmetro.com.my

Bangi

Seramai 350 pelajar Universiti Kuala Lumpur (UniKL) berpeluang bergiat aktif dalam bidang keusahawanan yang diminati selepas universiti itu melancarkan 'Student Entrepreneurship Association' (SEA) yang membolehkan pelbagai aktiviti perniagaan dapat dijalankan di dalam dan luar kampus.

Pengerusi Koperasi Siswa UniKL Saiful Sazali Abdul Rashid berkata, jumlah ahli dalam SEA akan ditingkatkan supaya lebih ramai mahasiswa UniKL dapat membudayakan aktiviti perniagaan sejak dari dalam kampus lagi.

"Pelbagai aktiviti dijalankan bagi mengukuhkan pengetahuan serta memperluaskan rangkaian kenalan dalam bidang itu antaranya Kem Usahawan Bestari, Kem Asas Keusahawanan dan juga Karnival Jom Jadi Usahawan (2JU)," katanya.

Menurutnya, terdapat be-

berapa aktiviti utama di dalam SEA yang setiap aktiviti dijalankan di bawah jawatankuasa tersendiri yang semuanya berkaitan dengan keusahawanan.

"Antaranya, jawatankuasa SiswaNiaga mengumpulkan pelajar yang memiliki perniagaan untuk meluaskan rangkaian perniagaan mereka, Kosiswa iaitu koperasi siswa UniKL yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi menguruskan ahli serta menganjurkan aktiviti perniagaan.

"Selain itu, AlumniNiaga, yang terdiri daripada graduan yang membabitkan diri dalam bidang perniagaan selepas tamat pengajian di UniKL berperanan memberi khidmat nasihat keusahawanan serta peluang meluaskan rangkaian perniagaan kepada usahawan lain," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran SEA di Universiti Kuala Lumpur,

Malaysia France Institute (UniKL MFI) Bandar Baru Bangi di sini, semalam.

Majlis pelancaran SEA berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Paduka Mukhriz Tun Mahathir.

Turut hadir, Pengerusi UniKL, Datuk Dr Adham Baba; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif UniKL, Prof Dr Mazliham Mohd Su'ud, Timbalan Presiden (Teknousahawan dan Hal Ehwal Mahasiswa) UniKL, Prof Datuk Ahmad Zahir Mokhtar serta Dekan UniKL-MFI, Prof Madya Haron Abas.

Menurut Saiful Sazali, Koperasi Siswa UniKL turut menawarkan pinjaman di bawah skim tabung mikro kredit yang membolehkan pelajar memulakan perniagaan mereka secara kecil-kecilan di kampus.

"Koperasi menawarkan pinjaman sebanyak RM500 hingga

RM1000. Biasanya pelajar menjalankan perniagaan seperti menjual tudung, telefon, perkhidmatan membaiki telefon, percetakan serta makanan.

"Mereka diberi tempoh selama enam bulan untuk membayar semula pinjaman. Namun jika terdapat masalah, pihak koperasi boleh menimbang untuk memanjatkan tempoh bayaran selama setahun," katanya.

Katanya, bagi pelajar yang sudah menyelesaikan bayaran pinjaman dan menunjukkan hasil jualan positif mereka boleh memohon pinjaman lebih tinggi sehingga RM5,000.

FAKTA

Terdapat beberapa aktiviti utama dalam SEA dijalankan di bawah jawatankuasa tersendiri



MUKHRIZ (depan tengah) bersama warga UniKL-MFI selepas majlis pelancaran SEA di kampusnya di Bandar Baru Bangi, semalam.

FOTO: OWEE AH CHUN